

Mendesaknya keperluan pemikiran baru dalam pendidikan negara

NEGARA begitu memerlukan percambahan idea dan dialog serius bagi tujuan mengumpul pelbagai maklumat terkini, futuristik dan relevan dari pelbagai lapisan masyarakat bagi membangun Sistem Pendidikan Negara yang lebih dinamik dan berdaya saing. Usaha ini mampu membina pemikiran baru dalam bidang pendidikan demi mendepani cabaran yang sungguh sengit sama ada di peringkat lokal mahupun global.

MINDA PENDIDIK

Mohd Yusof Abdullah

Bersama

Baharom Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip



Peluang atmosfera demokrasi yang kita miliki perlu digunakan sepenuhnya untuk mencapai maksud tersebut dengan lebih pantas dalam apa jua bidang sekalipun. Dalam konteks yang lebih luas, pemikiran-pemikiran baru yang dimaksudkan bukan sahaja tertumpu kepada bidang pendidikan sahaja, malah dalam apa jua bidang sekali pun bagi membina martabat dan maruah negara yang merdeka dalam erti kata yang sebenarnya.

Dalam bidang pendidikan, masyarakat pada hari ini mampu menilai sejauhmana kejayaan sistem pendidikan dalam membentuk generasi muda negara. Masyarakat mula menuding jari, bahawa sistem pendidikan yang terlaksana terlalu mementingkan kecemerlangan akademik sehingga gagal memastikan kecemerlangan menyeluruh meliputi aspek emosi, sosial, adab dan peradaban apatah lagi nilai-nilai keagamaan. Begitu tingginya peratusan jenayah kolar putih dari kalangan berpendidikan tinggi, mampu menempelak atau mampu menggambarkan kegagalan sistem pendidikan yang terlaksana sejak sekian lama. Situasi ini belum lagi mengambil kira peratusan kian meningkat gejala sosial yang datangnya juga dari mereka berpendidikan tinggi mahupun berpendidikan rendah.

Kerap kali petunjuk pintar dan cerdiknyanya anak-anak muda dalam bidang akademik tidak banyak membangkitkan semangat hormat dan sayangkan individu antara individu, malah kerap kali menjadi petunjuk gagalnya anak-anak muda mencapai ketinggian tahap adab dan peradaban dalam kehidupan seharian mereka. Konsep pendidikan yang asalnya untuk membentuk keperibadian unggul anak-anak muda dilihat gagal menyumbang sesuatu kepada diri sendiri dan masyarakat sekeliling. Oleh itu, usaha membina ufuk baru dalam pemikiran pendidikan negara dilihat begitu relevan dan perlu disegerakan.

Corak pendidikan yang wujud selama ini lebih mengarah kepada pemikiran rasionalisme melampau, pemikiran idea-idea kebebasan dan liberalisme dan ia semakin berkembang pada hari ini. Fenomena ini mampu menambahkan kekalutan, khususnya dalam lingkaran falsafah keilmuan dan berpotensi menjerumus anak-anak muda ke arah kesesatan. Anak-anak muda yang hanya bersandarkan kepada keilmiahannya individu melalui pemerhatian dan penyelidikan akal semata, mampu menolak kerelevanan dan peranan Tuhan dalam kehidupan masing-masing. Maka dengan itulah budaya LGBT mula turut menular sejak akhir-akhir ini.

Atas kesedaran itu, usaha merombak semula Sistem Pendidikan Negara secara holistik yang akan berakhir pada hujung tahun 2012 ini, dilihat begitu perlu dilakukan bagi membina corak kehidupan yang lebih baik dan mampu membina generasi muda harapan negara yang lebih baik. Tidak dinafikan, wadah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah berusaha keras menghubungkan keseimbangan intelektual, rohani, emosi dan jasmani, namun begitu, sistem yang terlaksana lebih terarah kepada pencapaian akademik yang cemerlang dan sering meminggirkan nilai-nilai seperti emosi dan rohani.

Perlu diingati bahawa pendidikan bukan hanya memindahkan ilmu pengetahuan, tetapi lebih kepada pemupukan jiwa yang penuh peradaban dan membajai nilai kerohanian yang subur di bawah naungan kebesaran Tuhan. Pendidikan bukan untuk seseorang itu menjadi semakin sombong dan bongkak, bijak menipu, salah guna kuasa, rasuah, mengkhianati sesama insan dan lain-lain lagi. Mana-mana proses pendidikan yang memisahkan nilai-nilai kerohanian akan menjadi manusia lebih maju dengan teknologinya, tetapi memundurkan manusia dari aspek keperibadian, sahsiah, adab dan peradaban (Ethan Watter, 2004).

Sebenarnya pendidikan bukan sesuatu proses yang boleh berlangsung dalam persekitaran yang kosong. Proses pendidikan yang berlangsung berhadapan dengan pengaruh warisan persekitaran keluarga dan masyarakat, dengan kerana itu, sistem pendidikan yang dibina harus mengambil kira cabaran-cabaran tersebut. Dengan kata lain, kanak-kanak yang menjejak kaki ke alam persekolahan sebenarnya, bukanlah seputih kapas kerana kanak-kanak ini telah dicorakkan dengan pelbagai warna bermula daripada warisan persekitaran keluarga dan masyarakat. Dengan demikian, cabaran negara menjadi semakin sengit bagi membina sistem pendidikan untuk melahirkan generasi hebat.

Dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa pemikiran baru dalam pendidikan harus mampu membina anak-anak muda menjadi hebat melalui proses pendidikan yang meneruskan kelangsungan budaya, sosialisasi dan pembentukan watak-watak budiman. Apa yang sangat dibimbangi ialah wujudnya anak-anak muda yang berwatak zombi atau anak-anak muda yang tewas sebelum berjuang atau anak-anak muda yang takut untuk melangkah. Jika ini berlaku gugurlah martabat dan maruah negara yang kita cintai ini.

* Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.